



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH JABATAN DIGITAL NEGARA
BILANGAN 1 TAHUN 2026**

**GARIS PANDUAN
PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL SEKTOR AWAM**

**JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Tujuan	1
Latar Belakang	1
Keperluan/Rasional	2
Pelaksanaan	3
Pemakaian	3
Tarikh Kuat Kuasa	3
Pertanyaan	4
Senarai Lampiran	5



Rujukan : JDN.100-1/3/1 (11)

Tarikh : 6 Mac 2026

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH JABATAN DIGITAL NEGARA
BILANGAN 1 TAHUN 2026**

**GARIS PANDUAN
PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL SEKTOR AWAM**

TUJUAN

1. Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan dan menerangkan kepada agensi sektor awam mengenai tatacara permohonan perkhidmatan perundingan digital yang disediakan oleh Jabatan Digital Negara (JDN), Kementerian Digital (KD).

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Digital Negara telah ditubuhkan secara rasmi pada 12 Disember 2023 dan merupakan salah satu agensi utama di bawah KD, sejajar dengan usaha kerajaan untuk memperkukuhkan pendigitalan sektor awam serta mempercepatkan transformasi digital negara. Antara peranan JDN adalah sebagai penasihat teknikal kepada agensi kerajaan dalam aspek perancangan strategik, pembangunan sistem,

pengurusan keselamatan maklumat, pengurusan pusat data dan pengurusan rangkaian.

3. Bahagian Perundingan Digital (BPD) merupakan salah satu bahagian yang menjalankan fungsi JDN, khususnya dalam menyediakan perkhidmatan perundingan kepakaran digital bagi menyokong transformasi perkhidmatan mengikut bidang kepakaran tertentu. Selaras dengan peranan BPD dalam menyediakan perkhidmatan khidmat runding/khidmat nasihat, garis panduan ini dibangunkan bagi memudahkan agensi kerajaan memohon khidmat perundingan digital yang disediakan.

KEPERLUAN/RASIONAL

4. Garis panduan ini mengutamakan perkhidmatan perundingan digital sektor awam dalam pelaksanaan projek-projek ICT kerajaan bagi:

a. **Meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam melalui pendigitalan**

Kerajaan Malaysia menekankan transformasi pendigitalan dalam sektor awam bagi meningkatkan kecekapan, keterangkuman dan aksesibiliti perkhidmatan kerajaan yang lebih efisien serta mesra pengguna secara dalam talian menjelang 2030.

b. **Mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam pelaksanaan projek ICT sektor awam**

Pelaksanaan projek ICT yang memberi penumpuan kepada pengoptimuman kos, berkualiti dan memberi nilai tambah.

c. **Mengoptimumkan sumber dan nilai untuk wang (*value for money*)**

Penilaian projek ICT sektor awam dinilai dari segi teknikal, keberkesanan kos dan pengoptimuman sumber.

PELAKSANAAN

5. Surat Arahannya menjelaskan aspek pelaksanaan perkhidmatan perundingan digital yang merangkumi skop pelaksanaan, tatacara permohonan serta peranan dan tanggungjawab.
6. Penjelasan lanjut berkaitan Garis Panduan Perkhidmatan Perundingan Digital Sektor Awam adalah seperti **LAMPIRAN A**.

PEMAKAIAN

7. Surat Arahannya terpakai kepada semua agensi sektor awam termasuk semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menggunakan perkhidmatan ini. Surat Arahannya juga perlu dibaca bersama-sama dengan pekeliling, arahan, peraturan dan dokumen lain berkaitan ICT dan pendigitalan yang sedang berkuat kuasa.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat Arahannya berkuat kuasa serta-merta mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

PERTANYAAN

9. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Arahan ini boleh dirujuk kepada:

Pengarah
Bahagian Perundingan Digital
Jabatan Digital Negara
Kementerian Digital
Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200, Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN
No. Telefon : 03-8000 8000
E-mel : pmobpd@jdn.gov.my
Laman Web : <https://www.jdn.gov.my>

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TS. NIK ZALBIHA BINTI NIK MAT)

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Garis Panduan Perkhidmatan Perundingan Digital Sektor Awam
A1	Katalog Perkhidmatan Perundingan Digital Mengikut Bidang
A2	Templat Piagam Khidmat Runding Digital
A3	Carta Alir Permohonan Perkhidmatan Perundingan Digital
A4	Maklumat Permohonan Perkhidmatan Perundingan Digital
A5	Borang Maklum Balas Khidmat Runding Digital

LAMPIRAN A
Surat Arahan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara
Bilangan 1 Tahun 2026

**GARIS PANDUAN
PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL SEKTOR AWAM**

**JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
SENARAI JADUAL.....	iii
AKRONIM	iv
TAKRIFAN	v
BAB 1: PENDAHULUAN.....	1
1.1 TUJUAN	1
1.2 LATAR BELAKANG PENUBUHAN BAHAGIAN PERUNDINGAN DIGITAL	1
1.3 OBJEKTIF	2
BAB 2: SKOP PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL.....	4
2.1 PENGENALAN	4
2.2 PELANGGAN	4
2.3 PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL	5
2.4 KHIDMAT NASIHAT DIGITAL	6
2.5 KHIDMAT RUNDING DIGITAL	7
2.6 PENGECUALIAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL	9
BAB 3: PERMOHONAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL.....	11
3.1 PROSEDUR UMUM	11
3.2 PERMOHONAN KHIDMAT RUNDING DIGITAL	12
3.3 PERMOHONAN KHIDMAT NASIHAT DIGITAL	13
BAB 4: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	14
4.1 AGENSI	14
4.2 JABATAN DIGITAL NEGARA (JDN)	14
4.3 PERANAN SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS	15

BAB 5: PENUTUP18
RUJUKAN19

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK
2.1	Bidang Perundingan Digital..... 4
4.1	Peranan dan Tanggungjawab..... 9

AKRONIM

AKRONIM	PENERANGAN
EA	<i>Enterprise Architecture</i>
ICT	<i>Information Communication Technology</i>
JDN	Jabatan Digital Negara
JPPI	Jawatankuasa Pemantauan Projek ICT
JTISA	Jawatankuasa Teknikal Projek ICT Sektor Awam
KD	Kementerian Digital
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
SUK	Setiausaha Kerajaan Negeri

TAKRIFAN

Bagi maksud pemakaian Surat Arahan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara Bilangan 1 Tahun 2026, takrifan ini diguna pakai:

1. Agensi Sektor Awam Merujuk kepada semua peringkat pentadbiran kerajaan iaitu agensi Kerajaan Persekutuan, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
2. Perkhidmatan Perundingan Digital Perkhidmatan perundingan digital terdiri daripada dua (2) jenis/kategori:
 - a. Khidmat nasihat digital.
 - b. Khidmat runding digital.
3. Inisiatif/Program/Projek ICT berimpak tinggi Inisiatif/Program/Projek ICT yang mempunyai kesan terus kepada rakyat dan memenuhi satu (1) atau lebih kriteria berikut:
 - a. Mengancam keselamatan nyawa.
 - b. Mengancam keselamatan negara.
 - c. Menjejaskan dan memudaratkan kesihatan awam.
 - d. Menjejaskan ekonomi negara.
 - e. Merentasi agensi, kompleks dan memberi impak langsung kepada rakyat.
 - f. Mempunyai integrasi dengan sistem utama kerajaan.
4. Peraturan Berkuat kuasa Pekeliling/dasar/peraturan/arahan semasa berkaitan yang berkuat kuasa.

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 TUJUAN

1.1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan agensi sektor awam berkenaan tatacara permohonan perkhidmatan perundingan digital yang ditawarkan oleh Jabatan Digital Negara (JDN), Kementerian Digital (KD).

1.2 LATAR BELAKANG PENUBUHAN BAHAGIAN PERUNDINGAN DIGITAL

1.2.1 Jabatan Digital Negara telah ditubuhkan secara rasmi pada 12 Disember 2023 yang dahulunya dikenali sebagai Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). JDN kini merupakan salah satu (1) agensi utama di bawah KD.

1.2.2 Bahagian Perundingan Digital (BPD) merupakan salah satu bahagian yang menjalankan fungsi JDN, khususnya dalam menyediakan perkhidmatan perundingan kepakaran digital bagi menyokong transformasi perkhidmatan mengikut bidang kepakaran tertentu.

1.2.3 Fungsi utama BPD adalah seperti yang berikut:

- a. Mengkaji dan memberi khidmat runding digital ke atas inisiatif/program/projek ICT sektor awam dalam aspek strategik, pembangunan sistem dan teknikal ICT.
- b. Memberi khidmat nasihat digital ke atas inisiatif/program/projek ICT sektor awam dalam aspek strategik, pembangunan sistem dan teknikal ICT.
- c. Memimpin dan membantu penjawat awam dalam pembangunan kepakaran mengikut bidang pengkhususan ICT dan sebagai mentor dalam aspek strategik, pembangunan sistem dan teknikal ICT.

- d. Menjalankan kajian untuk penambahbaikan, penyelidikan, inovasi dan penemuan baharu dalam aspek strategik, pembangunan sistem dan teknikal.
- e. Membangunkan panduan ICT berkaitan bidang pengkhususan ICT sebagai rujukan agensi sektor awam dalam aspek strategik, pembangunan sistem dan teknikal.

1.2.4 Selaras dengan penubuhan JDN yang mempunyai peranan penting dalam pendigitalan perkhidmatan dan fungsi utama BPD dalam memberikan perkhidmatan perundingan digital, garis panduan ini dibangunkan bagi menjelaskan aspek pelaksanaan perkhidmatan perundingan digital yang merangkumi skop pelaksanaan, tatacara permohonan serta peranan dan tanggungjawab.

1.3 OBJEKTIF

1.3.1 Tujuan Garis Panduan Perkhidmatan Perundingan Digital Sektor Awam dibangunkan adalah:

- a. Sebagai panduan kepada agensi sektor awam dalam mendapatkan perkhidmatan perundingan yang disediakan oleh Bahagian Perundingan Digital.
- b. Menjelaskan keperluan perkhidmatan perundingan mengikut keutamaan berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan.
- c. Menjelaskan kumpulan sasaran pelanggan yang boleh memohon perkhidmatan perundingan.
- d. Membolehkan perkhidmatan perundingan disampaikan dengan berkesan dalam membantu pembangunan inisiatif/program/projek ICT sektor awam.

- e. Membantu agensi dalam mengenal pasti cadangan penyelesaian kepada perkara-perkara teknikal berhubung pendigitalan perkhidmatan kerajaan.

1.3.2 Objektif pelaksanaan perkhidmatan perundingan digital dalam pembangunan inisiatif/program/projek ICT sektor awam adalah seperti yang berikut:

- a. Mengurangkan kebergantungan terhadap pembekal, kontraktor dan perunding luar dalam pembangunan inisiatif/program/projek ICT sektor awam.
- b. Membangunkan kepakaran penjawat awam dalam bidang pengkhususan ICT sektor awam.
- c. Memperkasakan sistem penyampaian sektor awam melalui perkhidmatan perundingan digital yang berkualiti.
- d. Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

BAB 2: SKOP PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL

2.1 PENGENALAN

2.1.1 Perkhidmatan perundingan digital dilaksanakan berdasarkan katalog perkhidmatan yang ditawarkan mengikut bidang perundingan digital. Terdapat lapan (8) skop pengkhususan/perkhidmatan utama yang disediakan mengikut bidang perundingan digital seperti **Jadual 2.1** berikut:

Jadual 2.1: Bidang Perundingan Digital

BIDANG UTAMA	PENGKHUSUSAN
Strategis	a. Perancangan Strategik Pendigitalan
	b. Pengurusan Projek
	c. Pengurusan Maklumat
Pembangunan Sistem	d. Pembangunan Sistem termasuk Pengurusan Jaminan Kualiti Perisian/ Sistem Aplikasi (SQA)
	e. Pengurusan Pangkalan Data
Teknikal	f. Pengurusan Pusat Data
	g. Pengurusan Rangkaian ICT
	h. Pengurusan Keselamatan Maklumat

2.2 PELANGGAN

2.2.1 Perkhidmatan perundingan digital disediakan mengikut keutamaan kategori agensi sektor awam seperti yang berikut:

- a. Kementerian.
- b. Jabatan Persekutuan.
- c. Badan Berkanun Persekutuan dan negeri di bawah saraan.
- d. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
- e. Jabatan Kerajaan Negeri.
- f. Pihak Berkuasa Tempatan.

2.2.2 Perkhidmatan perundingan digital yang disediakan adalah berdasarkan pekeliling dan garis panduan sektor awam yang dikeluarkan dan sedang berkuat kuasa, serta inisiatif/program/projek ICT di bawah tadbir urus ICT dan peruntukan sektor awam. Perkhidmatan perundingan digital tidak diberikan kepada agensi berikut namun tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara:

- a. Badan Berkanun yang diasingkan saraan.
- b. Anak syarikat agensi persekutuan dan negeri.
- c. Pihak Universiti yang melaksanakan inisiatif/program/projek ICT/ kajian dan tiada kepentingan kepada sektor awam.

2.2.3 Agensi yang menerima perkhidmatan perundingan boleh melibatkan pihak ketiga iaitu agensi lain yang berkaitan dalam pelaksanaan skop yang dipersetujui. Sebarang komunikasi antara JDN dan pihak ketiga yang terlibat mestilah melalui dan dengan kehadiran agensi tersebut.

2.3 PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL

2.3.1 Perkhidmatan perundingan digital diberikan kepada agensi sektor awam dalam menyokong perkhidmatan digital inklusif dan bersepadu sektor awam. Perkhidmatan yang ditawarkan meliputi sembilan bidang perundingan ICT di bawah tiga (3) bidang utama seperti Katalog Perkhidmatan Perundingan Digital di **Lampiran A1**.

2.3.2 Pelaksanaan perkhidmatan perundingan digital adalah berdasarkan kepada perkara seperti yang berikut:

- a. Perkhidmatan perundingan dilaksanakan melalui perbincangan, mesyuarat inisiatif/program/projek ICT sektor awam, sesi bengkel berterusan atau lain-lain kaedah yang sesuai sehingga serahan diterima dan disahkan.

- b. Perkhidmatan perundingan akan dilaksanakan berdasarkan akta, pekeliling dan garis panduan berkaitan dengan bidang perundingan yang sedang berkuat kuasa.
- c. Sebarang implikasi kewangan untuk melaksanakan perkhidmatan perundingan seperti bengkel dan sesi libat urus ditanggung sepenuhnya oleh agensi.
- d. Jadual pelaksanaan hendaklah disemak semula dari semasa ke semasa mengikut keperluan sepanjang tempoh perkhidmatan perundingan diberikan.
- e. Perkhidmatan perundingan tidak termasuk kerja-kerja berkaitan keurusetiaan bagi sesi perkhidmatan perundingan.

2.3.3 Perkhidmatan perundingan digital yang disediakan kepada agensi-agensi sektor awam terdiri daripada dua (2) kategori iaitu:

- a. Khidmat nasihat digital.
- b. Khidmat runding digital.

2.4 KHIDMAT NASIHAT DIGITAL

2.4.1 Definisi Khidmat Nasihat Digital

Khidmat nasihat digital adalah perkhidmatan bimbingan berasaskan kepakaran bagi membantu agensi kerajaan memahami keperluan teknologi, menilai penyelesaian yang dicadangkan dan membuat keputusan dalam pembangunan serta pengurusan tadbir urus digital. Khidmat nasihat dilaksanakan dalam tempoh yang singkat atau berkala mengikut keperluan. Khidmat nasihat digital tidak memerlukan kontrak perjanjian/piagam khidmat nasihat.

Khidmat nasihat digital juga boleh diberikan semasa perancangan dan penyelarasan projek yang melibatkan sama ada fungsi perkhidmatan yang sama merentas agensi, *common data*/perkongsian data, aplikasi sepunya dan penggunaan teknologi/infrastruktur gunasama.

2.4.2 Tempoh Khidmat Nasihat Digital

Tiada tempoh tertentu bagi perkhidmatan khidmat nasihat digital. Perkhidmatan diberikan mengikut keperluan dan ketersediaan pasukan perunding yang berkaitan.

2.4.3 Keutamaan Khidmat Nasihat Digital

Khidmat nasihat digital boleh dilaksanakan melalui dan tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:

- a. Mesyuarat atau sesi perbincangan berkaitan projek ICT.
- b. Sesi taklimat, kursus atau *bootcamp* yang dianjurkan oleh agensi sebagai penceramah atau fasilitator.
- c. Sesi makmal *value assessment* (VA).
- d. Perancangan projek ICT.

2.5 KHIDMAT RUNDING DIGITAL

2.5.1 Definisi Khidmat Runding Digital

Khidmat runding digital adalah perkhidmatan bimbingan dalam membangunkan pelan/inisiatif/program/projek ICT sektor awam bagi skop kerja dan tempoh yang dipersetujui dalam menyelesaikan sesuatu inisiatif/program/projek. Khidmat runding digital memerlukan penyediaan Piagam Khidmat Runding Digital yang dipersetujui bersama antara agensi dan Pasukan Perunding ICT JDN. Templat Piagam Khidmat Runding adalah seperti **Lampiran A2**.

2.5.2 Tempoh Khidmat Runding Digital

Tempoh bagi khidmat runding digital akan ditentukan berdasarkan kriteria/penilaian berikut:

- a. Tempoh yang dipersetujui mengikut keperluan serta bergantung kepada kompleksiti sesuatu inisiatif/program/projek.
- b. Tempoh yang ditetapkan secara berperingkat mengikut kesesuaian inisiatif/program/projek.

2.5.3 Keutamaan Khidmat Runding Digital

Keutamaan dalam khidmat runding digital akan ditentukan oleh JDN berdasarkan faktor-faktor berikut:

- a. Inisiatif/Program/Projek ICT berimpak tinggi.
- b. Inisiatif/Program/Projek ICT perkhidmatan digital bersepadu.
- c. Agensi yang kekurangan pegawai yang berkemahiran dalam pelaksanaan inisiatif/program/projek ICT dan kekangan pengetahuan dalam teknologi yang akan digunakan.
- d. Peratus kemajuan inisiatif/ program/ projek ICT tidak kurang daripada - 10% atau tidak lebih 30 hari lewat berbanding jadual yang ditetapkan dan masih dalam tempoh kontrak (mengikut mana yang terdahulu).
- e. Agensi yang belum pernah mendapatkan khidmat runding digital daripada JDN bagi mana-mana inisiatif/program/projek ICT dalam tempoh tiga (3) tahun.

- f. Khidmat runding digital dalam tindakan JDN untuk tahun semasa.
- g. Ketersediaan (*Availability*) dan kekuatan pasukan perunding untuk memberikan Khidmat Runding Digital.

2.5.4 Kaedah Khidmat Runding Digital

Khidmat runding digital boleh dilaksanakan dan tidak terhad melalui kaedah berikut:

- a. Analisis proses, perbincangan, mesyuarat projek, atau sesi bengkel berterusan sehingga mencapai serahan khidmat runding yang dipersetujui bagi projek ICT dalam bidang-bidang berikut:
 - i. Perancangan strategik, pengurusan maklumat dan pengurusan projek bagi bidang strategis.
 - ii. Pembangunan Sistem termasuk Pengurusan Jaminan Kualiti Perisian/Sistem Aplikasi (SQA) dan pengurusan pangkalan data bagi bidang pembangunan sistem.
 - iii. Pengurusan pusat data, pengurusan rangkaian dan pengurusan keselamatan ICT bagi bidang teknikal.

2.6 PENGECUALIAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL

2.6.1 Perkhidmatan perundingan digital tidak dipertimbangkan kepada permohonan daripada agensi sektor awam seperti yang berikut:

- a. Inisiatif/Program/Projek ICT yang tidak mematuhi tatacara permohonan kelulusan teknikal projek ICT seperti yang dijelaskan dalam Surat Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Bagi RMK13 dan *Rolling Plan* (RP2) Tahun 2027 dan Surat

Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024 - Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam atau pekeliling semasa berkaitan yang berkuat kuasa.

- b. Inisiatif/Program/Projek ICT yang dilaksanakan dengan tujuan penyelidikan yang tiada kepentingan kepada sektor awam. Walau bagaimanapun dikecualikan sekiranya inisiatif/program/projek ICT berkenaan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.
- c. Inisiatif/Program/Projek ICT yang dibangunkan bagi tujuan pengkomersialan dan pertandingan seperti untuk mendapatkan anugerah inovasi dan sebagainya.

2.6.2 Keahlian atau wakil daripada JDN dalam mana-mana tadbir urus projek perlu merujuk dan selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024 - Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Sektor Awam atau pekeliling semasa yang sedang berkuat kuasa.

2.6.3 Walau bagaimanapun, perkhidmatan perundingan digital yang akan diberikan kepada kementerian/agensi tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara.

BAB 3: PERMOHONAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL

3.1 PROSEDUR UMUM

3.1.1 Prosedur permohonan perkhidmatan perundingan digital secara umumnya adalah melalui proses berikut:

- a. Mengemukakan permohonan rasmi kepada Ketua Pengarah JDN atau Pengarah BPD oleh Bahagian ICT kementerian/agensi melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- b. Permohonan hendaklah dikemukakan sekurang-nya tiga (3) hari sebelum tarikh aktiviti/mesyuarat diadakan.
- c. Menerima pengesahan penerimaan permohonan daripada JDN.
- d. Mengadakan perbincangan dengan pihak JDN sekiranya perlu.
- e. Menerima maklum balas perkhidmatan perundingan digital daripada BPD JDN.
- f. Menerima perkhidmatan perundingan digital.
- g. Memberi maklum balas perkhidmatan perundingan digital.

3.1.2 Pihak agensi boleh memohon perkhidmatan perundingan digital seperti yang dinyatakan di dalam katalog perkhidmatan seperti **Lampiran A1**.

3.1.3 Proses permohonan perkhidmatan perundingan digital diperincikan lagi melalui aliran proses permohonan seperti **Lampiran A3**.

- 3.1.4 Inisiatif/Program/Projek ICT sektor awam yang memerlukan khidmat runding lebih daripada satu (1) bidang pengkhususan, perlu mengenal pasti bidang berkaitan semasa mengemukakan permohonan khidmat runding.
- 3.1.5 Pihak agensi hendaklah menyatakan sekurang-kurangnya maklumat seperti **Lampiran A4** semasa membuat permohonan perkhidmatan perundingan digital.

3.2 PERMOHONAN KHIDMAT RUNDING DIGITAL

Permohonan khidmat runding digital oleh agensi yang perlu diberi perhatian adalah seperti yang berikut:

- a. Keperluan khidmat runding digital adalah berdasarkan keputusan mesyuarat yang dipengerusikan oleh pengurusan tertinggi JDN atau Kerajaan seperti keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek ICT (JPPI), Jawatankuasa Teknikal Projek ICT Sektor Awam (JTISA), Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek ICT dan sebagainya.
- b. Permohonan rasmi oleh agensi dilakukan oleh Bahagian ICT kementerian/agensi melalui Ketua Jabatan masing-masing kepada Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara dengan menyatakan maklumat asas inisiatif/program/projek ICT seperti **Lampiran A4** dengan menyertakan cabutan minit mesyuarat yang berkaitan.
- c. Permohonan daripada peringkat agensi hendaklah diselaraskan di peringkat kementerian bagi mengelak pertindihan inisiatif atau permohonan.
- d. Pihak JDN boleh mengubah kelulusan permohonan dipertimbangkan sama ada khidmat runding atau khidmat nasihat mengikut kesesuaian

dan keutamaan kompleksiti projek, impak, keperluan dan kapasiti Pasukan Perunding ICT JDN.

3.3 PERMOHONAN KHIDMAT NASIHAT DIGITAL

Permohonan khidmat nasihat digital oleh agensi yang perlu diberi perhatian adalah seperti yang berikut:

- a. Keperluan khidmat nasihat digital adalah berdasarkan keputusan mesyuarat yang dipengerusikan oleh pengurusan tertinggi JDN atau Kerajaan seperti keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek ICT (JPPI), Jawatankuasa Teknikal Projek ICT Sektor Awam (JTISA), Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek ICT dan sebagainya.
- b. Permohonan rasmi oleh agensi dilakukan oleh Bahagian ICT kementerian/ agensi melalui Ketua Jabatan masing-masing kepada KP JDN dengan menyatakan maklumat asas inisiatif/program/projek ICT seperti **Lampiran A4** dengan menyertakan cabutan minit mesyuarat yang berkaitan.
- c. Pelantikan keahlian Jawatankuasa atau Makmal:

Agensi boleh mengemukakan permohonan pencalonan pegawai JDN terlebih dahulu secara rasmi kepada Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara melalui Ketua Jabatan masing-masing. Surat permohonan perlu menyatakan dengan jelas nama jawatankuasa atau tajuk makmal, peranan yang akan dilaksanakan ahli serta anggaran tempoh masa keahlian jika berkaitan.
- d. Kelulusan permohonan khidmat nasihat digital akan dipertimbangkan mengikut bidang perundingan ICT dan kapasiti Pasukan Perunding JDN.

BAB 4: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

4.1 AGENSI

- 4.1.1 Agensi sektor awam bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengenal pasti keperluan perkhidmatan perundingan digital serta mengemukakan permohonan rasmi kepada JDN mengikut tatacara yang ditetapkan seperti **Lampiran A3**.
- 4.1.2 Agensi hendaklah memastikan permohonan yang dikemukakan adalah lengkap, tepat dan selaras dengan keperluan inisiatif, program atau projek ICT yang dilaksanakan. Sepanjang pelaksanaan perkhidmatan perundingan digital, agensi bertanggungjawab memberikan komitmen sepenuhnya dari segi penyelarasan, penyediaan maklumat, kehadiran dalam sesi perbincangan serta pelaksanaan tindakan susulan berdasarkan khidmat runding atau khidmat nasihat yang diberikan.
- 4.1.3 Agensi juga bertanggungjawab menguruskan aktiviti sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan perkhidmatan perundingan digital, termasuk menyediakan maklum balas perkhidmatan serta melaksanakan cadangan penambahbaikan bagi memastikan hasil perkhidmatan perundingan memberi impak yang berkesan kepada inisiatif, program atau projek ICT yang dilaksanakan.

4.2 JABATAN DIGITAL NEGARA (JDN)

- 4.2.1 JDN bertanggungjawab menilai setiap permohonan perkhidmatan perundingan digital yang diterima daripada agensi sektor awam berdasarkan skop, keutamaan, impak projek serta kapasiti dan kepakaran pasukan perunding ICT yang tersedia.
- 4.2.2 JDN berperanan merancang, menyelaraskan dan melaksanakan perkhidmatan perundingan digital sama ada dalam bentuk khidmat runding digital atau

khidmat nasihat digital mengikut skop dan tempoh yang dipersetujui bersama agensi.

4.2.3 Sepanjang pelaksanaan perkhidmatan, JDN bertindak sebagai penasihat dan perunding teknikal dalam aspek strategik, pembangunan sistem dan teknikal ICT, serta memastikan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan secara terancang, berstruktur dan selaras dengan garis panduan, pekeliling dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

4.2.4 JDN juga bertanggungjawab menyediakan laporan dan mendapatkan maklum balas perkhidmatan (khidmat runding digital) bagi tujuan penambahbaikan berterusan terhadap pelaksanaan perkhidmatan perundingan digital.

4.3 PERANAN SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS

4.1.1 Peranan dan tanggungjawab yang sewajarnya diambil oleh pihak agensi dan juga pihak JDN sebelum, semasa dan selepas melaksanakan perkhidmatan perundingan digital seperti **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1: Peranan dan Tanggungjawab

	Peranan Agensi	Peranan JDN
Sebelum	<ul style="list-style-type: none"> a) Mengenal pasti bidang khidmat runding digital/nasihat digital berkaitan dan membuat permohonan perkhidmatan perundingan digital. b) Menghantar surat permohonan rasmi kepada Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara melalui Ketua Jabatan agensi. c) Mengatur perbincangan dengan pihak JDN bagi penyediaan draf Piagam Khidmat Runding Digital seperti Lampiran A2. 	<ul style="list-style-type: none"> a) Membuat penilaian permohonan dan menentukan bidang khidmat runding digital/nasihat digital yang bersesuaian. b) Memberi maklum balas kepada agensi berhubung keputusan permohonan. c) Mengenal pasti Pasukan Perunding ICT JDN yang terlibat. d) Menyedia dan mendapatkan persetujuan Ketua Perunding ICT terhadap pelan cadangan khidmat runding digital melalui Piagam Khidmat Runding Digital. e) Menyedia Piagam Khidmat Runding Digital bersama agensi dan mengaturkan sesi <i>kick off</i> bagi menandatangani dokumen Piagam Khidmat Runding Digital.

	Peranan Agensi	Peranan JDN
Semasa	<ul style="list-style-type: none"> a) Menguruskan persediaan sesi <i>kick off</i>/mesyuarat/perbincangan/bengkel bersama Pasukan Perunding ICT JDN. b) Mengurussetiakan dan menyediakan minit mesyuarat. c) Melaksanakan aktiviti/tindakan penyelesaian berdasarkan khidmat runding/nasihat digital yang diterima daripada Pasukan Perunding JDN. 	<ul style="list-style-type: none"> a) Melaksanakan khidmat runding digital mengikut skop Piagam Khidmat Runding Digital yang telah dipersetujui. b) Melaksanakan khidmat nasihat digital mengikut skop yang dipersetujui.
Selepas	<ul style="list-style-type: none"> a) Melengkapkan borang maklum balas menggunakan Borang Maklum Balas Khidmat Runding Digital seperti Lampiran A5. b) Mengaturkan sesi penamatan Khidmat Runding Digital. 	<ul style="list-style-type: none"> a) Menyediakan laporan kajian dan cadangan penyelesaian bagi khidmat nasihat digital bagi inisiatif/program/projek ICT bermasalah (jika berkaitan). b) Mendapatkan maklum balas mengenai pengendalian khidmat runding digital menggunakan Borang Maklum Balas Khidmat Runding Digital. c) Menyediakan Laporan Khidmat Runding Digital. d) Mengemukakan laporan kepada agensi.

BAB 5: PENUTUP

Garis Panduan ini hendaklah dipatuhi oleh agensi sektor awam berkeleyakan yang ingin memohon perkhidmatan perundingan digital dengan pihak JDN. Agensi sektor awam yang berkeleyakan juga perlu merujuk kepada dasar dan peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan perkhidmatan perundingan digital.

RUJUKAN

- 1) Katalog Perkhidmatan Perundingan Digital Sektor Awam.
- 2) Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.5 - Tatacara Pengurusan Projek Sakit dan Pelantikan Kontraktor Penyiap bagi Projek Sakit.
- 3) Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.
- 4) Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPrISA).
- 5) Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024 - Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam.
- 6) Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 - Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam.

KATALOG PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL MENGIKUT BIDANG

BIDANG UTAMA	PENGGHUSUSAN	KETERANGAN
Strategis	1. Perancangan Strategik Pendigitalan	Menyediakan khidmat runding dan nasihat dalam pengurusan strategik ICT meliputi Pelan Strategik Pendigitalan (PSP), Kajian Separuh Penggal (KSP) PSP dan <i>Enterprise Architecture</i> (EA) Agensi supaya selaras dengan Rancangan Pendigitalan Sektor Awam (RPSA) berdasarkan Garis Panduan Penyediaan Perancangan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PerSPSA) dan MyGovEA.
	2. Pengurusan Projek	Menyediakan khidmat runding dan nasihat dalam pengurusan projek-projek ICT Sektor Awam berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPrISA) yang terkini dan amalan terbaik pengurusan projek ICT ke arah pemerkasaan pengurusan projek strategik.
	3. Pengurusan Maklumat	Menyediakan khidmat runding dan nasihat bagi projek berkaitan <i>Artificial Intelligence</i> (AI), Sains Data, Pengurusan Pengetahuan dan Maklumat Digital.

BIDANG UTAMA	PENGGHUSUSAN	KETERANGAN
Pembangunan Sistem	4. Pembangunan Sistem termasuk Pengurusan Jaminan Kualiti Perisian/Sistem Aplikasi (SQA)	<p>a) Menyediakan khidmat runding dan nasihat dalam kajian keperluan, analisis, reka bentuk, pengaturcaraan, pengujian, pelaksanaan dan penyenggaraan pembangunan sistem aplikasi.</p> <p>b) Menyediakan khidmat runding dan nasihat dalam jaminan kualiti seperti pengujian prestasi, <i>verification and validation</i> dan kaedah penganggaran kos berdasarkan fungsi sistem.</p>
	5. Pengurusan Pangkalan Data	Menyediakan khidmat runding dan nasihat dalam reka bentuk dan pengurusan pangkalan data termasuk integrasi dan migrasi.
Teknikal	6. Pengurusan Pusat Data	Menyediakan khidmat runding dan khidmat nasihat berkaitan pengurusan pusat data dalam aspek perancangan, reka bentuk, pembangunan, dan pengoperasian pusat data sama ada secara <i>on-premise</i> , <i>co-location</i> dan pengkomputeran awan.
	7. Pengurusan Rangkaian ICT	Menyediakan khidmat runding dan khidmat nasihat dalam reka bentuk, pemantauan prestasi, <i>trouble shooting</i> dan pengurusan konfigurasi rangkaian.

BIDANG UTAMA	PENGKHUSUSAN	KETERANGAN
	8. Pengurusan Keselamatan Maklumat	Menyediakan khidmat runding dan khidmat nasihat dalam pengurusan keselamatan maklumat kepada agensi kerajaan yang meliputi skop Polisi Keselamatan Siber (PKS) agensi/jabatan, Pelan Pengurusan Keselamatan Maklumat (<i>Information Security Management Plan, ISMP</i>), penilaian tahap keselamatan rangkaian dan sistem ICT (<i>SPA</i>), Pelan Pemulihan Bencana ICT (<i>Disaster Recovery Plan, DRP</i>) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (<i>ISO/IEC 27001 ISMS</i>).


TEMPLAT PIAGAM KHIDMAT RUNDING DIGITAL

No. Rujukan Fail JDN		Tarikh	
No. Rujukan Fail Agensi		Tarikh	
Kementerian			
Agensi/Bahagian			
Nama Projek			
Ringkasan Projek (objektif, skop, kaedah pelaksanaan)			
Fasa Projek	Nyatakan Fasa - Fasa Permulaan, Fasa Perancangan, Fasa Pelaksanaan dan Kawalan, Fasa Penamatan		
Bidang Perundingan	Nyatakan bidang perundingan yang telah dikenal pasti - Perancangan Strategik ICT, Pengurusan Projek ICT, Pengurusan Maklumat, Pembangunan Sistem, Pengurusan Pangkalan Data, Pengurusan Jaminan Kualiti, Pengurusan Pusat Data, Pengurusan Rangkaian ICT dan Pengurusan Keselamatan Maklumat		
Tempoh Perkhidmatan (Tarikh)	Mula		Tamat
Pegawai Bertanggungjawab (JDN)	Senaraikan pegawai ikut bidang Ketua: Ketua Perunding/Perunding Ahli: Penyelaras:		
Pegawai Bertanggungjawab (Agensi)	Pengurus Projek: PMO:		

(sambungan Templat Piagam Khidmat Runding Digital)

PERSETUJUAN PERKHIDMATAN RUNDING DIGITAL	
Pihak JDN Ketua Pengarah JDN/Pengarah BPD ()	Pihak Agensi Ketua Jabatan Agensi/Ketua Pegawai Digital ()
PENAMATAN PERKHIDMATAN RUNDING DIGITAL	
Pihak JDN Ketua Pengarah JDN/Pengarah BPD ()	Pihak Agensi Ketua Jabatan Agensi/Ketua Pegawai Digital ()

CARTA ALIR PERMOHONAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL



MAKLUMAT PERMOHONAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL

(* untuk disertakan bersama surat/emel permohonan rasmi)

A. KEMENTERIAN / AGENSI PEMOHON

Kementerian	:	
Agensi (Jika berkenaan)	:	
Bahagian	:	
*Kategori Agensi	:	Kementerian
	:	Jabatan Persekutuan
	:	Badan Berkanun Persekutuan di bawah saraan
	:	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
	:	Jabatan Kerajaan Negeri
	:	Badan Berkanun Negeri di bawah saraan
	:	Pihak Berkuasa Tempatan
	:	Lain-lain. Nyatakan: _____

(sambungan Maklumat Permohonan Perkhidmatan Perundingan Digital)

B. LATAR BELAKANG INISIATIF/PROJEK

BIL.	MAKLUMAT INISIATIF/PROJEK	
1.	Tajuk	:
2.	Tujuan	:
3.	Ringkasan (Keterangan Inisiatif/Projek, Objektif, Skop dan Status)	:
		Keterangan Inisiatif/Projek:
		Objektif:
		Skop:
		Status Projek (Peringkat):
		Permohonan Kelulusan Bajet (Penyediaan Slaid Teknikal JPICT/JTISA)
		Proses Perolehan (Penyediaan Spesifikasi Teknikal)
Permulaan Pelaksanaan Inisiatif/Program/ Projek ICT (Surat Setuju Terima telah diserahkan kepada syarikat/kontraktor)		
Peratus inisiatif/Program/Projek ICT tidak kurang -10% atau tidak lebih 30 hari lewat berbanding jadual yang ditetapkan dan masih dalam tempoh kontrak (mengikut mana yang terdahulu)		
Lain-lain (nyatakan): _____ _____		
* Tandakan (/) pada impak yang berkaitan.		

(sambungan Maklumat Permohonan Perkhidmatan Perundingan Digital)

BIL.	MAKLUMAT INISIATIF/PROJEK		
4.	*Impak Inisiatif/ Projek		Mengancam keselamatan nyawa
		Mengancam keselamatan negara	
		Menjejaskan dan memudaratkan kesihatan awam	
		Menjejaskan ekonomi negara	
		Merentasi agensi, kompleks dan memberi impak langsung kepada rakyat	
		Mempunyai integrasi dengan sistem utama kerajaan	
* Tandakan (/) pada impak yang berkaitan.			

(sambungan Maklumat Permohonan Perkhidmatan Perundingan Digital)

C. PERMOHONAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DIGITAL

BIL.	MAKLUMAT PERMOHONAN PERKHIDMATAN																						
1.	*Jenis	:	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 20px;"></td> <td>Khidmat Runding Digital</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Khidmat Nasihat Digital</td> </tr> <tr> <td colspan="2">* Tandakan satu sahaja (/) yang berkaitan.</td> </tr> </table>		Khidmat Runding Digital		Khidmat Nasihat Digital	* Tandakan satu sahaja (/) yang berkaitan.															
	Khidmat Runding Digital																						
	Khidmat Nasihat Digital																						
* Tandakan satu sahaja (/) yang berkaitan.																							
2.	*Bidang Perundingan ICT	:	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 20px;"></td> <td>Perancangan Strategik ICT</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Pengurusan Projek</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Pengurusan Maklumat</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Pembangunan Sistem</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Jaminan Kualiti Perisian/Sistem Aplikasi (SQA)</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Pengurusan Pangkalan Data</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Pengurusan Pusat Data</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Pengurusan Rangkaian</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Pengurusan Keselamatan Maklumat</td> </tr> <tr> <td colspan="2">* Tandakan (/) pada bidang yang berkaitan</td> </tr> </table>		Perancangan Strategik ICT		Pengurusan Projek		Pengurusan Maklumat		Pembangunan Sistem		Jaminan Kualiti Perisian/Sistem Aplikasi (SQA)		Pengurusan Pangkalan Data		Pengurusan Pusat Data		Pengurusan Rangkaian		Pengurusan Keselamatan Maklumat	* Tandakan (/) pada bidang yang berkaitan	
	Perancangan Strategik ICT																						
	Pengurusan Projek																						
	Pengurusan Maklumat																						
	Pembangunan Sistem																						
	Jaminan Kualiti Perisian/Sistem Aplikasi (SQA)																						
	Pengurusan Pangkalan Data																						
	Pengurusan Pusat Data																						
	Pengurusan Rangkaian																						
	Pengurusan Keselamatan Maklumat																						
* Tandakan (/) pada bidang yang berkaitan																							
3.	Tempoh (mulai bulan & tahun hingga bulan & tahun)	:																					

(sambungan Maklumat Permohonan Perkhidmatan Perundingan Digital)

D. PEGAWAI KEMENTERIAN/AGENSI UNTUK DIHUBUNGI

Nama Penuh	:	
Jawatan dan Gred	:	
E-mel	:	
No. Telefon	:	

Disahkan

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Cop Rasmi:

BORANG MAKLUM BALAS KHIDMAT RUNDING DIGITAL

Agensi :
 Nama Projek/ Kajian :
 Tempoh :
 Pegawai JDN Terlibat :

No.	Nama	Jawatan	Gred	Bahagian

Nilaian :

1	2	3	4	5	6	7
Sangat Cemerlang tidak memuaskan	Tidak memuaskan	Kurang memuaskan	Sederhana	Memuaskan	Amat memuaskan	

A. Sila **bulatkan** markah nilai anda berdasarkan skala yang diberikan di atas terhadap pernyataan berikut.

- i. Adakah hasil khidmat runding ini memenuhi objektif yang ditetapkan?
 1 2 3 4 5 6 7
- ii. Sejauh mana anda berpuas hati dengan keseluruhan perkhidmatan perundingan yang diberikan?
 1 2 3 4 5 6 7
- iii. Adakah perunding menjawab keperluan dan isu anda dengan jelas?
 1 2 3 4 5 6 7

(sambungan Borang Maklum Balas Khidmat Runding Digital)

- iv. Bagaimana anda menilai tahap kepakaran dan pengetahuan pasukan perunding?
1 2 3 4 5 6 7
- v. Adakah cadangan penambahbaikan/ projek/ inisiatif/ produk dapat dilaksanakan di agensi?
1 2 3 4 5 6 7
- vi. Adakah komunikasi (penyampaian, bahasa, kefahaman) pasukan perunding mudah difahami?
1 2 3 4 5 6 7
- vii. Adakah khidmat runding ini dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan?
1 2 3 4 5 6 7

B. Apakah aspek yang boleh diperbaiki dalam perkhidmatan perundingan ini?

.....
.....
.....
.....